

# KENYATAAN MEDIA

## Media Release



### PERKHIDMATAN TREN ULANG ALIK (SHUTTLE) KTM INTERCITY ANTARA JB SENTRAL – WOODLANDS BERMULA 1 JULAI 2015

15 Jun 2015 - KTM Berhad melalui KTM Intercity akan memperkenalkan perkhidmatan tren ulang alik (shuttle) JB Sentral (Malaysia) – Woodlands (Singapura) bermula pada **1 Julai 2015**. Perkhidmatan ini akan dikenali sebagai “Shuttle Tebrau”.

Objektif utama perkhidmatan *shuttle* ini adalah bagi memudahkan orang ramai terutamanya di Johor, Malaysia dan Singapura yang sentiasa berulang alik menjalankan urusan harian di antara dua negara ini. Ianya juga bagi mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas di laluan Tambak Johor, Malaysia.

KTM Berhad akan menyediakan sebanyak 14 perkhidmatan tren *shuttle* setiap hari iaitu tujuh (7) perkhidmatan adalah dari Stesen JB Sentral dan tujuh (7) perkhidmatan lagi adalah dari Stesen Woodlands.

Perkhidmatan tren *shuttle* dari Stesen JB Sentral akan bermula pada jam 5.30 pagi dan berakhir pada jam 10.00 malam. Manakala bagi perkhidmatan tren *shuttle* dari Stesen Woodlands akan bermula pada jam 6.30 pagi dan berakhir pada jam 11.00 malam. Tambang bagi perkhidmatan ini adalah RM5.00 (sehalu) dari Stesen JB Sentral dan SGD5.00 (sehalu) dari Stesen Woodlands.

Berikut adalah jadual waktu bagi perkhidmatan tren *shuttle* antara JB Sentral – Woodlands;

JB SENTRAL - WOODLANDS	WOODLANDS – JB SENTRAL
5.30 pagi – 5.35 pagi	6.30 pagi – 6.35 pagi
7.00 pagi – 7.05 pagi	8.00 pagi – 8.05 pagi
8.30 pagi – 8.35 pagi	9.30 pagi – 9.35 pagi
4.00 petang – 4.05 petang	5.00 petang – 5.05 petang
5.30 petang – 5.35 petang	6.30 petang – 6.35 petang
7.00 malam – 7.05 malam	8.00 malam – 8.05 malam
10.00 malam – 10.05 malam	11.00 malam – 11.05 malam

Serentak dengan pengenalan *shuttle* ini, perkhidmatan tren-tren KTM Intercity ke Selatan akan bermula dan ditamatkan di Stesen JB Sentral. Perkhidmatan tren-tren yang terlibat adalah seperti berikut;

TREN	LALUAN SEMASA	LALUAN MULAI 01/07/2015
TREN RAKYAT	Butterworth – Woodlands	Butterworth – JB Sentral
TREN SINARAN SELATAN	KL Sentral – Woodlands	KL Sentral – JB Sentral
TREN SUTERA	KL Sentral – Woodlands	KL Sentral – JB Sentral
SHUTTLE	Gemas – Woodlands	Gemas – JB Sentral

Untuk maklumat lanjut sila layari laman sesawang KTM Berhad di [www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my) atau Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 1-300-88-5862.

Dikeluarkan oleh **Unit Komunikasi Korporat**  
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD  
Tel: 03-2263 1103 | Fax: 03-2710 5706



### KTM INTERCITY SHUTTLE TRAIN SERVICE BETWEEN JB SENTRAL – WOODLANDS STARTING 1 JULY 2015

15 June 2015 - KTM Berhad via KTM Intercity will be introducing its new shuttle train service between JB Sentral (Malaysia) – Woodlands (Singapore) starting **1<sup>st</sup> July 2015**. This train service will be known as the “Shuttle Tebrau”.

The purpose of this shuttle service is mainly to provide a transport solution for commuters who are currently travelling daily from Johor, Malaysia to Singapore. It is also an effort to reduce the massive road congestion especially during the peak hours at the Johor Causeway.

KTM Berhad will offer 14 shuttle train trips per day that encompass seven (7) trips from JB Sentral Station and seven (7) trips from Woodlands Station.

The shuttle train service will start from JB Sentral Station at 5.30am and end at 10.00 pm whilst from Woodlands Station, service will commence at 6.30 am and end at 11.00 pm. The fare is priced at RM5.00 (one way) from JB Sentral Station and SGD5.00 (one way) from Woodlands Station.

Below is the shuttle train service timetable between JB Sentral – Woodlands;

JB SENTRAL - WOODLANDS	WOODLANDS – JB SENTRAL
5.30 am – 5.35 am	6.30 am – 6.35 am
7.00 am – 7.05 am	8.00 am – 8.05 am
8.30 am – 8.35 am	9.30 am – 9.35 am
4.00 pm – 4.05 pm	5.00 pm – 5.05 pm
5.30 pm – 5.35 pm	6.30 pm – 6.35 pm
7.00 pm – 7.05 pm	8.00 pm – 8.05 pm
10.00 pm – 10.05 pm	11.00 pm – 11.05 pm

With the introduction of this new shuttle service, all inbound and outbound of KTM Intercity’s trains to the southern sector will depart and end at JB Sentral Station. List of KTM Intercity’s trains that will be effected are as per below;

TRAIN	CURRENT ROUTE	NEW ROUTE STARTING 01/07/2015
TREN RAKYAT	Butterworth – Woodlands	Butterworth – JB Sentral
TREN SINARAN SELATAN	KL Sentral – Woodlands	KL Sentral – JB Sentral
TREN SUTERA	KL Sentral – Woodlands	KL Sentral – JB Sentral
SHUTTLE	Gemas – Woodlands	Gemas – JB Sentral

For further information, kindly visit KTMB website at [www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my) or contact the KTMB Call Centre at 1300-88-5862.

Issued By **Corporate Communications Unit**  
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD  
Tel: 03 – 2263 1103 | Fax: 03-2710 5706